



27 SEP, 2019

Diskaun elektrik 20 peratus

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

Diskaun elektrik 20 peratus

3,398 taska berdaftar dengan JKM bakal nikmati faedah November ini hingga Disember 2020

Oleh Mohd Husni Mohd Noor
mhusni@hmetro.com.my

Putrajaya

Sebanyak 3,398 taska yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) di Semenanjung Malaysia akan menerima manfaat diskaun 20 peratus bil elektrik mulai November ini hingga Disember tahun depan.

Inisiatif itu diberikan hasil kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) selaras Program Galakan Pendaftaran Taska dijalankan KPWK.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Hannah Yeoh berkata, kementerian berharap inisiatif ini akan dapat mengurangkan be-



YEO (kiri) bersama Hannah selepas sidang media mengenai diskaun bil elektrik sebanyak 20 peratus kepada pengusaha/pemilik taska.

ban dan kos ditanggung pemilik serta pengusaha taska.

Beliau berkata, diskaun bil elektrik sebanyak 20 peratus

ini diberikan hasil penjaminan mekanisme Peraturan Berasaskan Insentif (IBR) yang dilaksanakan Tenaga Nasional Bhd (TNB) di Se-

menanjung Malaysia.

"Pemberian ini berdasarkan keprihatinan kerajaan terhadap keperluan untuk memantau operasi taska di

negara ini.

"Dianggarkan populasi taska bagi kanak-kanak di bawah empat tahun di negara ini berjumlah 40,000 namun hanya 11.9 peratus atau 4,744 daripadanya berdaftar dengan JKM," katanya di sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin.

Beliau berharap lebih ramai pengusaha taska berdaftar dengan JKM, sekaligus merebut peluang diskaun bil elektrik berkenaan.

Hannah berkata, pemberian diskaun ini hanya terpakai kepada pemilik dan pengusaha taska yang berdaftar dengan JKM di Semenanjung Mala-

ysia dan taska itu juga dikenakan bil elektrik di bawah kate-

gori tarif komersil (Tarif B) oleh TNB.

"Selain itu, bagi taska yang sudah berdaftar dengan JKM, pemberian diskaun akan bermula 1 November ini sehingga 31 Disember tahun depan. Bagi taska yang akan berdaftar dengan JKM, pemberian diskaun akan bermula mulai 1 November ini atau pada tarikh mereka berdaftar sehingga 31 Disember 2019," katanya.

Pada masa sama, katanya, kerajaan juga akan mengadakan perbincangan dengan Sarawak Energy Bhd (SEB) dan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) supaya pemberian diskaun ini dapat dinikmati sama oleh pemilik dan pengusaha taska di Sarawak dan Sabah.

Sementara itu, Bee Yin berkata, pihaknya menyediakan peruntukan RM10 juta bagi program diskaun bil elektrik berkenaan.

MESTECC sedia peruntukan RM10 juta bagi program diskaun bil elektrik



27 SEP, 2019

Diskaun elektrik 20 peratus

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

3,398 taska berdaftar dengan JKM bakal nikmati faedah November ini hingga Disember 2020

m h u s n i @ h m e t r o . c o m . m y P utrajaya Sebanyak 3,398 taska yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) di Semenanjung Malaysia akan menerima manfaat diskaun 20 peratus bil elektrik mulai November ini hingga Disember tahun depan.